

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester II  
Sidang Akademik 2001/2002

FEBRUARI / MAC 2002

**EAA 503/4 – Penilaian Kesan Alam Sekitar**

Masa : 3 jam

---

**Arahan :-**

1. Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** (5) muka surat bercetak termasuk lampiran sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Kertas ini mengandungi **ENAM** (6) soalan. Jawab **LIMA** (5) soalan sahaja. Markah hanya akan dikira bagi **LIMA** (5) jawapan **PERTAMA** yang dimasukkan di dalam buku mengikut susunan dan bukannya **LIMA** (5) jawapan terbaik.
3. Semua soalan mempunyai markah yang sama.
4. Semua jawapan **MESTILAH** dimulakan pada muka surat yang baru.
5. Semua soalan **MESTILAH** dijawab dalam Bahasa Malaysia.
6. Tuliskan nombor soalan yang dijawab di luar kulit buku jawapan anda.

1. (a) Bincangkan fasa-fasa projek dan faktor-faktor yang perlu diambil kira dalam menjalankan Penilaian Kesan Alam Sekitar bagi projek tapak pelupusan sisa perbandaran atau projek pembangunan kampus universiti baru.  
(10 markah)
- (b) Berikan **LIMA (5)** aktiviti yang memerlukan EIA dijalankan, dan nyatakan takat ambangnya.  
(10 markah)
2. (a) Penilaian Laporan Mengikut Kaedah Lee & Colley adalah salah satu cara menilai kualiti laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar yang disediakan. Nyatakan dengan ringkas aspek-aspek utama yang perlu diberikan penekanan semasa menjalankan penilaian ini.  
(10 markah)
- (b) Audit Alam Sekitar adalah satu aktiviti penting dalam cabang Penilaian Kesan Alam Sekitar. Bincangkan fasa-fasa Audit Alam Sekitar.  
(10 markah)